

Calon duta ke AS tunggu perkenan Agong

Puchong: Kerajaan sudah memuktamadkan nama bagi mengisi kekosongan jawatan duta Malaysia ke Amerika Syarikat (AS) yang baharu, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, proses seterusnya ialah memohon perkenan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim. Anwar tidak menolak calon itu akan diperkenan

sebaik kembali dari lawatan rasmi ke Bahrain, minggu depan.

“Ada calon tapi prosesnya itu seperti biasa iaitu akan diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong.

“Insya-Allah, bila saya balik dari Bahrain baru dapat perkenan,” katanya kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid As-Salam, di sini semalam.

Pada 8 Februari lalu, Duta Malaysia ke AS, Datuk Seri Nazri Aziz, mengesahkan tempoh perkhidmatan selama dua tahun sudah berakhir.

Susulan itu, minggu lalu, bekas Ahli Parlimen Bangi, Ong Kian Ming, mencadangkan lima nama untuk dipertimbang sebagai duta Malaysia ke AS, termasuk Naib Presiden PKR, Nurul Izzah

Anwar serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz.

Calon lain ialah bekas pengerusi CIMB, Tan Sri Nazir Razak; bekas Ahli Parlimen, Yusmadi Yusoff serta Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa Malaysia, Faiz Abdullah.

Kian Ming dilaporkan berkata, Faiz banyak memberi input pen-

ting kepada Perdana Menteri mengenai dasar luar, manakala Nurul Izzah adalah pembantu utama dan Tengku Zafrul membuktikan dirinya sebagai menteri dipercayai Anwar.

Nazir dikenali sebagai tokoh korporat berpengaruh, manakala Yusmadi ahli lama dalam ‘kumpulan kecil individu dipercayai’ Anwar.